

7H5M

CHONGQING + CHENGDU TWIN CITY



HARI 01 KUALA LUMPUR - CHENGDU

Berkumpul di KLIA untuk menaiki penerbangan ke Chengdu.
Bermalam di **Chengdu**.

HARI 02 CHENGDU - CHONGQING

SP/MT/MM

Lawatan di **Chongqing**:

- Bersiar-siar di **18th Staircase** yang terkenal dengan tangga-tangga berbatu lama dan jalan-jalan sempit yang mencerminkan gaya hidup tradisional Chongqing. Kawasan ini menawarkan pemandangan bandar dan sungai yang menakjubkan. Pelancong dapat menikmati pemandangan lorong sempit, mencuba makanan jalanan tempatan dan membeli cenderamata unik.
- Berjalan-jalan di **Jiao Chang Kou** yang menawarkan pelbagai hidangan halal seperti kebab, mi dan makanan ringan tempatan. Pelancong dapat mencuba makanan halal yang lazat sambil menikmati suasana jalanan yang meriah.
- Berjalan-jalan di **Jie Fang Bei** yang meriah dengan kawasan penuh dengan kedai-kedai, restoran, dan hiburan. Monumen Pembebasan di tengah-tengah kawasan ini memperingati kemenangan China dalam Perang Dunia II. Pada waktu malam, lampu neon yang berwarna-warni menerangi kawasan ini, menjadikannya tempat yang menarik untuk dikunjungi.
- Melawat **Kui Xing Building** yang merupakan seni bina tradisional Cina dengan struktur kayu yang rumit dan bumbung bertingkat yang dihiasi dengan ukiran indah. Destinasi ini unik kerana walaupun ia kelihatan seperti berada di tingkat satu, sebenarnya ia terletak di tingkat 22. Pelancong boleh menikmati keindahan seni bina klasik serta suasana yang berbeza dengan kesibukan bandar Chongqing.
- Qiansimen Bridge** merupakan jambatan moden yang menghubungkan kawasan Yuzhong dan Jiangbei. Terkenal dengan seni bina yang unik dan pemandangan menakjubkan. Dengan pencahayaan LED yang terang, Qiansimen Bridge mencipta suasana yang menakjubkan pada waktu malam, menjadikannya spot fotografi yang digemari ramai.
- Hongyadong**: Nikmati pemandangan malam di Hongyadong. Kawasan ini berubah menjadi pemandangan yang memukau dengan lampu-lampu berwarna-warni yang menerangi bangunan-bangunan kayu tradisional dan struktur moden.

Bermalam di **Chongqing**.

HARI 03 CHONGQING

SP/MT/MM

Lawatan di **Chongqing**:

- Melawat **Ciqikou Ancient Town** yang terkenal dengan jalan-jalan batu yang sempit, bangunan tradisional dan suasana yang penuh dengan budaya. Selain itu, suasana yang meriah dan pemandangan sungai yang indah menjadikan Ciqikou satu tempat yang ideal untuk meluangkan masa Bersama keluarga atau rakan-rakan.
- Chongqing Mosque** yang mempunyai seni bina yang menarik dengan reka bentuk yang unik. Pelancong boleh melihat menara masjid yang tinggi dan pintu masuk yang dihiasi dengan kaligrafi Arab.
- Liziba Monorail**, terletak di Chongqing, adalah tempat di mana kereta api ringan melalui bangunan, menawarkan pemandangan yang unik dan menakjubkan.
- Bersiar-siar di **Danzishi Ancient Street** yang dapat menjelajahi bangunan bersejarah, kedai-kedai tradisional dan kafe yang menawarkan hidangan tempatan.

Bermalam di **Chongqing**.

HARI 04 CHONGQING

SP/MT/MM

Lawatan di **Chongqing**:

- Melawat **Chaotianmen Market** yang penuh dengan kedai-kedai yang menjual pelbagai barangan pada harga borong.
- Melawat **Raffles City Piazza** yang menawarkan pelbagai kedai, restoran, dan kemudahan hiburan. Direka oleh arkitek terkenal Steven Holl, Raffles City Piazza

DATE	REMARK	ALL IN PRICE FROM
11 JULY 2025	-	RM 3,490 2,990
11 SEPT 2025	CUTI SEKOLAH	RM 3,490 2,990
12 SEPT 2025	CUTI SEKOLAH	RM 3,490 2,990
18 SEPT 2025	CUTI SEKOLAH	RM 3,490 2,990
8 JAN 2026	CUTI SEKOLAH	RM 3,490 2,990

menggabungkan ruang pejabat, kediaman, dan pusat membeli-belah dalam satu tempat. Ia juga mempunyai akses terus ke stesen kereta api bawah tanah, menjadikannya mudah diakses oleh pelancong.

- Melawat **Chongqing Zoo (Panda Base)** yang merupakan destinasi popular di mana pelancong boleh melihat panda gergasi dalam habitat semula jadi mereka. Pusat ini berdikasi untuk pemuliharaan dan pembiakan panda, serta Pendidikan awam tentang haiwan yang ikonik ini. Pelancong boleh menyaksikan panda bermain, makan buluh dan berehat di kawasanannya.

Bermalam di **Chongqing**.

HARI 05 CHONGQING - CHENGDU

SP/MT/MM

Lawatan di **Chongqing**:

- Eling Test Bed 2** di Chongqing adalah destinasi pelancong yang menggabungkan sejarah, seni dan budaya moden. Pelancong boleh menikmati pemandangan bandar Chongqing dari kawasan berbukit ini, meneroka seni bina industri yang diperbaharui serta merasai suasana seni dan budaya tempatan.
- Melawat **People's Auditorium** yang terkenal dengan seni bina klasik Asia abad ke-20. Terletak di Dataran Rakyat, auditorium ini sering menjadi tempat untuk mesyuarat politik dan acara budaya.

Lawatan di **Chengdu**:

- Melawat **Wide and Narrow Alley** yang menawarkan pengalaman unik dengan bangunan tradisional, kedai-kedai, restoran, dan kafe. Kawasan ini adalah tempat yang popular untuk berjalan-jalan, menikmati makanan tempatan, dan merasai budaya Chengdu.
- Nikmati **Sichuan Opera Face Changing**. Persembahan ini biasanya diadakan di teater seperti Shu Feng Ya Yun, di mana penonton boleh menikmati teh dalam mangkuk bertutup sambil menonton pelakon menukar topeng muka dengan pantas. Seni ini menggambarkan perubahan emosi watak dengan cara yang dramatik dan mengagumkan.

Bermalam di **Chengdu**.

HARI 06 CHENGDU - KUALA LUMPUR

SP/MT/MM

Lawatan di **Chengdu**:

- Melawat **People's Park**, taman yang menawarkan suasana tenang dengan tasik, taman bunga, dan ruang untuk berjalan-jalan serta bersantai. Disini dapat menikmati teh, melihat orang tempatan bermain mahjong atau menyaksikan tarian dan nyanyian rakyat.
- Melawat **Dong Jiao Memory**, juga dikenali sebagai Eastern Suburb Memory, adalah kawasan yang dahulunya merupakan kilang elektronik. Kini, ia telah diubah menjadi taman budaya yang menampilkan pelbagai bentuk seni seperti muzik, drama, dan fotografi. Kawasan ini mengekalkan elemen industri lama sambil memperkenalkan ciri-ciri moden seperti kafe dan tempat hiburan.
- Bersolat di **The Imperial City Mosque** yang mempunyai sejarah lebih dari 1000 tahun. Masjid ini terkenal dengan seni bina tradisional Cina yang unik, yang digabungkan dengan elemen reka bentuk Islam.
- Melawat **Taikoo Li** yang menggabungkan elemen tradisional dan moden. Kawasan ini menawarkan pelbagai butik mewah, jenama fesyen antarabangsa, dan restoran yang menyajikan hidangan tempatan serta antarabangsa.
- Membeli-belah di **Chunxi Road** yang berdekatan dengan Tai Koo. Ia juga merupakan kawasan membeli-belah yang sibuk dengan pelbagai kedai dari butik tempatan hingga jenama terkenal.

Menaiki penerbangan pulang ke Kuala Lumpur.

HARI 07 KUALA LUMPUR

Tiba di Lapangan Terbang Kuala Lumpur.



mytravel4u



011 - 1057 7963

011 - 1064 7963